

BN akan rampas semua negeri Pakatan, menang majoriti dua pertiga, kata pemimpin Umno
Malaysian Insider
Disember 01, 2012
Oleh Clara Chooi dan Mohd Farhan Darwis

Pemimpin-pemimpin Umno percaya bahawa kepimpinan Najib akan membolehkan BN merampas negeri-negeri Pakatan Rakyat, serta merebut kembali majoriti dua pertiga di Parlimen dalam PRU13.

KUALA LUMPUR, 1 Dis — Umno yakin merampas kesemua empat negeri dipimpin Pakatan Rakyat (PR) dan merebut kembali majoriti dua pertiga di Parlimen dalam pilihan raya akan datang, dirangsang oleh kepercayaan yang kuat bahawa langkah reformis dilakukan Najib, berjaya menyebabkan pengundi Malaysia merasa kagum.

Beberapa pemimpin memberitahu The Malaysian Insider, Umno sudah bersedia sepenuhnya untuk ke medan pertempuran, setelah empat tahun menjalani transformasi intensif dari pentadbiran parti itu untuk pemikiran lebih tiga juta ahli.

Selepas hari kedua berhimpun di sini semalam, pemimpin parti itu pemimpin mengisytiharkan memenangi majoriti dua pertiga bukan lagi lagi aspirasi bagi Umno tetapi satu realiti.

"Sudah tentu," kata Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor apabila ditanya apakah parti tersebut yakin akan merampas kembali majoriti dua pertiga daripada 222 kerusi parlimen pada pilihan raya akan datang.

"Saya yakin dua pertiga (majoriti) akan kita dapat termasuk empat negeri, beserta Kelantan dan Pulau Pinang," tambah beliau.

Kelantan diperintah oleh PAS semenjak tahun 1990.

Anggaran tentang peluang Barisan Nasional (BN) di peti undi menyatakan PR mungkin kehilangan Kelantan, tetapi kebanyakan pemerhati percaya pakatan pembangkang tersebut akan mempertahankan Pulau Pinang.

Tengku Adnan tidak berseorangan dalam meramalkan perkara ini.

Bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim kelihatan bersetuju Pulau Pinang tidak seharusnya dianggap mustahil untuk dirampas kembali.

"Kami yakin untuk merampas kembali Kedah, Kelantan dan Selangor ... dan Perlis, sudah tentu. Mungkin kita perlu bekerja lebih keras di Pulau Pinang," katanya terhadap negeri yang ditadbir oleh Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

Timbalan Menteri Umno, Dr Mohd Puad Zarkashi sama yakin seperti rakan-rakan partinya berkenaan peluang BN dalam pilihan raya seterusnya.

"Sudah tentu, majoriti dua pertiga. Saya sangat yakin," beliau memberitahu The Malaysian Insider.

Para pemimpin Umno begitu yakin kerana sokongan lesu kepada PKR dan keyakinan baru kerana kerajaan BN berubah di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, yang akan menggulung Perhimpunan Agung Umno, lewat petang ini.

Anak kepada perdana menteri kedua Malaysia itu sudah digelar "Bapa Transformasi" kerana inisiatif transformasinya yang tidak terkira dan reformasi termasuk pemansuhan undang-undang bersejarah.

Kunci kepada perubahan dilakukan Najib adalah memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), permintaan lama pemimpin pembangkang dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil.

Perdana Menteri turut menggubal undang-undang baru mengawal perhimpunan aman besar-besaran, yang dianggap satu jenayah di bawah seksyen 27, Akta Polis.

Beliau juga meminda undang-undang untuk membenarkan kebebasan media dan penyertaan pelajar dalam politik, mengekalkan janji untuk memperluaskan kebebasan sivil di Malaysia.

"Saya sangat yakin majoriti dua pertiga majoriti ... banyak faktornya, (contohnya) dalam tempoh empat tahun, perdana menteri membawa banyak transformasi dan inovasi dalam pentadbiran dan politik beliau menunaikan janji," kata Puad.

Timbalan menteri pendidikan itu berkata Najib dan BN juga memikat pengundi hari ini dan mengakui bahawa ia boleh jadi pengundi atas pagar, pengundi baru, belia dan wanita yang akan menentukan masa depan mereka di peti undi.

Beliau menjelaskan bahawa ini adalah mengapa Najib memastikan beliau masih dekat dengan kumpulan-kumpulan pengundi, sentiasa berhubung dengan mengeluarkan inisiatif yang direka khusus untuk golongan ini.

Sebagai contoh, tambah Puad seperti BN Youth job fair, My First Home scheme untuk pemilik rumah muda dan juga lanjutan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada kumpulan belia.

Tetapi selain daripada kempen gigih BN untuk meraih sokongan, pemimpin Umno menegaskan pengundi juga mula kembali kepada gabungan pemerintah kerana mereka mempunyai masa untuk menimbang janji-janji dari PR.

Mereka mengulangi kenyataan lama PR gagal menyelesaikan perbezaan ideologi utama, yang mereka berkata boleh memudaratkan jika pakatan pembangkang itu berkuasa sebelum dapat menyelesaikan isu-isu ini.

Sejak beberapa hari lepas, perwakilan memberi amaran ketidakstabilan negara ini di bawah PR, sebahagian besarnya disebabkan oleh pertikaian berpanjangan di antara PAS dan DAP berhubung isu negara Islam dan undang-undang hudud.

Shahidan berkata oleh kerana formula perkongsian kuasa BN rakyat Malaysia berjaya menikmati keamanan antara kaum selama berdekad, memberi amaran semua ini akan hilang di bawah PR.

"Di Malaysia, jika anda mahukan sebuah kerajaan yang kuat dan anda tidak mahu krisis, anda perlukan formula ini," katanya.

Beliau berkata walaupun Umno adalah sebuah parti berasaskan kaum seperti beberapa rakan kongsi BN, ia bukanlah bersifat "perkauman".

"Tetapi entah bagaimana, kerana kita masih melihat perbezaan antara kaum, kita perlu berjuang untuk kaum masing-masing ... ini adalah penting dalam erti kata kerana satu kaum lebih mengetahui tentang komuniti mereka berbanding yang lain," katanya.

The Malaysian Insider melaporkan Oktober lalu, BN menjangkakan untuk memenangi lebih daripada 140 kerusi parlimen yang mereka perolehi dalam pilihan raya 2008 walaupun serangan dan ceramah oleh PR seringkali mendakwa mereka boleh merampas Putrajaya dalam pilihan raya akan datang.

Walaupun, ahli politik BN mengaku tujuh kerusi parlimen di Sarawak dan enam di Sabah terdedah untuk PR menangi tetapi kubu kuat mereka di kawasan luar bandar kekal kukuh. Terdapat 222 kerusi parlimen dan 505 kerusi negeri untuk dimenangi dalam pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Difahamkan BN menjangkakan untuk kehilangan beberapa kerusi dipegang oleh empat ahli parlimen Sabah yang meninggalkan gabungan tersebut manakala sentimen pengundi bandar Cina di Sarawak boleh menyebabkan kerusi tersebut dirampas PR. Dalam pilihan raya 2008, DAP adalah parti komponen PR tunggal yang memenangi satu kerusi parlimen di Sabah dan Sarawak.

Walaupun, pembangkang telah mempersoalkan keyakinan BN oleh kerana pakatan pemerintah itu sendiri menjangkakan untuk kehilangan lebih banyak kerusi di Sabah dan Sarawak dalam pilihan raya akan datang berbanding sebelum ini. "Bagaimana BN akan tampung kekalahan di negeri simpanan tetap?" tanya seorang ahli parlimen pembangkang ketika dihubungi The Malaysian Insider.

"BN tahu ia boleh kehilangan sehingga enam di Sabah dan tujuh di Sarawak tetapi ia berharap untuk menampungnya di tempat lain, terutama di semenanjung di mana sentimen kembali menyokong kerajaan, "kata seorang pemimpin Umno kepada The Malaysian Insider, dengan menambah program seperti BR1M mempunyai kesan positif ke atas pengundi.

BR1M bermula awal tahun ini dan kira-kira RM2 bilion dibelanjakan untuk lebih empat juta isi rumah. BR1M 2.0 juga termasuk pembayaran one off RM250 untuk - belum berkahwin dan berumur di antara 21 dan 30 yang menjana pendapatan sehingga RM2,000.

Penganalisis berkata liputan yang berkembang akan termasuk 2.2 juta pengundi kali pertama dijangka membuang undi mereka dalam pilihan raya akan datang.

Kini, terdapat hanya lebih 13 juta pengundi di negara yang mempunyai penduduk lebih 28 juta orang.

Ahli politik BN juga mengatakan bahawa mereka menjangka untuk mendapatkan kembali sokongan daripada masyarakat India, yang berjumlah 1.7 juta orang, oleh kerana gabungan pemerintah telah memenuhi permintaan kaum India serta menambah pelbagai pemberian kepada mereka.

Ramai orang India telah mempersalahkan bekas Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu untuk kemiskinan kewangan mereka dan berpaling tadah daripada BN dalam PRU 2008. Samy Vellu juga kalah di kubu kuat beliau di Sungai Siput dalam pilihan raya itu.

Mandat BN tamat pada April 2013, memberikan Najib masa lima bulan lagi untuk mengadakan pilihan raya.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-akan-rampas-semua-negeri-pakatan-menang-majoriti-dua-pertiga-kata-pemimpin-umno/>